

06/09/2000

Tabur bakti di negara sendiri

BUKAN sekali, malah sudah berkali-kali Perdana Menteri, mengingatkan pelajar, baik yang menuntut di dalam atau luar negara supaya mencintai negara. Ketika itu jugalah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar, tujuan utama menuntut ilmu bukanlah untuk kepentingan peribadi, sebaliknya untuk bangsa, agama dan negara. Sebagai bekas pelajar dan pernah mengharungi pelbagai pengalaman ketika era penjajahan sehingga negara mencapai kemerdekaan, nasihat beliau seharusnya membuka minda setiap pelajar kerana generasi terdahulu sudah banyak berkorban untuk generasi sekarang dan kini menjadi tanggungjawab generasi baru membuat pengorbanan sama untuk negara.

Bagi pelajar di luar negara, perlu ada dalam minda masing-masing untuk kembali berkhidmat di tanah air sendiri dan menyambung usaha yang sudah dilaksanakan oleh generasi awal untuk membangunkan negara. Dalam mengharungi era ledakan maklumat dan globalisasi sekarang, banyak cabaran terpaksa ditempuhi, baik di bidang ekonomi dan politik.

Sebagai individu yang dapat membezakan di antara pembohongan dan fakta, pelajar harus mengelakkan diri daripada terjebak dalam permainan politik pihak tertentu yang menggalakkan mereka mengamalkan budaya tidak berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan yang selama ini banyak membantu mereka. Setiap pelajar, malah semua lapisan rakyat harus merenungi dan menghayati warisan negara, iaitu bumi Malaysia kerana jika dirosakkan, generasi akan datang yang akan menerima padahnya.

(END)